

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

1. Apakah perkembangan terkini projek di tanah PERDA Teluk Bayu, Teluk Kumbar?
 - (a) Berapa ramaikah penjaja dan peniaga kecil yang terkesan disebabkan projek ini?
 - (b) Apakah solusi yang disediakan oleh kerajaan kepada mereka?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Berdasarkan maklumat daripada Lembaga Kemajuan Negeri Pulau Pinang (PERDA), tanah tersebut sedang dibangunkan melalui anak syarikat PERDA iaitu PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB). Perkembangan terkini projek ialah kerja-kerja penyediaan tapak serta penyelesaian dengan sebahagian setinggan sedang giat dilaksanakan.
 - (a) Buat masa ini, tiada angka rasmi berhubung jumlah penjaja dan peniaga kecil yang terlibat memandangkan aktiviti perniagaan di kawasan tersebut dijalankan secara tidak tetap. Walau bagaimanapun, dianggarkan seramai 10 hingga 15 penjaja dan peniaga kecil menjalankan perniagaan di kawasan berkenaan.
 - (b) PERDA melalui anak syarikat telah membina 30 unit gerai sementara di kawasan tersebut bagi tujuan penempatan semula penjaja dan peniaga kecil yang terlibat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

2. Apakah perkembangan perancangan kerajaan untuk menjadikan Pantai Malindo, Sungai Burung, Balik Pulau, sebagai salah satu tempat pelancongan di Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Apakah tarikan pelancong yang akan diadakan di kawasan ini?
 - (b) Berapakah kos kerajaan untuk projek ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah meluluskan satu (1) projek penyelenggaraan yang melibatkan Pantai Malindo bagi tahun 2025. Projek tersebut adalah Kerja-Kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Pelantar Pejalan Kaki Paya Laut Hutan Simpan Kekal Balik Pulau (Pantai Malindo) Fasa III yang diselaraskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri telah membuat permohonan projek Bina Baru Promenade Pantai Malindo dan Kerja Lain Berkaitan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang untuk menggunakan peruntukan di bawah KKDW - *Rolling Plan* ke-1 (RP1) RMK-13 Tahun 2026 tetapi perkara tersebut belum diluluskan.

Skop projek yang dicadangkan adalah membina dataran kejut, menurap jalan dan kotak parkir, bina baru laluan pejalan kaki, bina baru bulatan kecil dan tugu kawasan, bina baru set taman permainan,

memangkas pokok dan membersihkan kawasan sekitar, naik taraf pagar dan pintu gerbang serta bina baru pondok/gazebo.

Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPS) juga sedang melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di sungai yang terdapat di situ. Pelaksanaan RTB ini melibatkan pemindahan jeti nelayan. Oleh itu, sebarang pembangunan di kawasan berkenaan akan dirancang/dilaksanakan selepas RTB berkenaan siap sepenuhnya.

- (a) Tarikan di Pantai Malindo antaranya adalah di mana pengunjung dapat merasai pemandangan pantai yang menarik, melihat matahari terbenam pada waktu lewat petang, kawasan kayuhan basikal, tempat membeli ikan dan udang segar di samping menikmati laksa Pantai Malindo. Bagi tahun 2025, projek pembaikan yang akan dijalankan melibatkan tarikan di Pantai Malindo adalah pembaikan dan penyelenggaraan pelantar pejalan kaki di kawasan paya laut.
- (b) Kos projek penyelenggaraan tersebut adalah sebanyak RM350,000 dan dibiayai melalui peruntukan MOTAC.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

3. Apakah perkembangan terkini projek asrama warga asing Teluk Kumbar?
- (a) Berapakah luas tanah dan kos pengambilan tanah yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk projek ini?
 - (b) Apakah hasil EIA dan SIA projek? Senaraikan.
 - (c) Apakah relevan projek ini diteruskan apabila semua pihak di sini menentang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Sehingga kini hanya terdapat satu (1) permohonan Kebenaran Merancang No. MBPP/OSC/PM513/2023 bagi cadangan mendirikan satu (1) blok bangunan asrama pekerja 27 tingkat (512 unit) di atas Lot 1859, 1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang telah dikemukakan oleh Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. Kebenaran merancang (Borang C1) telah diluluskan pada 29 November 2023 dan masih sah sehingga kini serta tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sehingga kini permohonan Kebenaran Mula Kerja (COW) masih belum dikemukakan oleh pemaju.
- (a) Keluasan tanah bagi tapak pemajuan ini adalah 2.6 ekar dan tiada kos pengambilan tanah yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk projek ini.

- (b) Cadangan pemajuan bagi mendirikan satu (1) blok bangunan asrama pekerja 27 tingkat (512 unit) di atas Lot 1859, 1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang ini tidak disyaratkan untuk mendapatkan kelulusan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA). Walau bagaimanapun SIA disyaratkan kepada pihak pemaju adalah untuk melihat perubahan positif atau negatif berkaitan cadangan pemajuan dalam sesebuah komuniti. Cadangan pemajuan ini telah mendapat kelulusan Laporan Kajian Impak Sosial (SIA) pada 10 November 2023 tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju.

Secara ringkasnya, hasil Laporan Kajian SIA mengesyorkan supaya permohonan cadangan asrama pekerja yang bertujuan menempatkan pekerja asing di penempatan khusus dengan persekitaran yang tersusun dan dikawal oleh pengurus asrama ini dibenarkan. Segala penemuan jangkaan impak negatif dari borang soal selidik dan *Focus Group Discussion* (FGD) telah dinilai dan kemudiannya langkah-langkah mitigasi telah dicadangkan melalui Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang sistematik dan boleh dilaksanakan. Ini penting bagi memastikan Projek Asrama Pekerja Teluk Kumbar memberi faedah kepada semua pihak berkepentingan serta mengurangkan impak buruk yang dijangka berlaku dari pelbagai aspek dalam jangka masa panjang.

- (c) Penempatan warga asing dalam komuniti tempatan sememangnya mewujudkan kesan positif dan negatif kepada masyarakat sekitar sama ada daripada aspek sosial, ekonomi, keselamatan dan lalu lintas. Walau bagaimanapun, kesan negatif seringkali dikaitkan dengan kehadiran warga asing dalam komuniti tempatan. Antara kesan negatif yang boleh berlaku adalah isu kacau ganggu, peningkatan kadar jenayah, ketidakselesaan kepada penduduk tempatan, pertembungan adat dan budaya serta lain-lain lagi.

Justeru itu, penyediaan asrama pekerja ini adalah satu penyelesaian jangka masa panjang yang akan dapat mengatasi kesan penempatan warga asing dalam komuniti, serta menjaga keselamatan kawasan sekitar kerana ia bersifat holistik dengan mengambil kira semua kemudahan seperti kedai, klinik, ATM, dobi dan lain-lain disediakan di dalam kawasan asrama pekerja tersebut.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga akan memastikan pengendalian khidmat tenaga warga asing ini sentiasa dalam keadaan terkawal melalui penyediaan penginapan pekerja yang khusus, lebih selamat, sistematik dan kondusif selaras dengan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Negeri Pulau Pinang 2022 dan Seksyen 24H, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja. (Pindaan), 2019, [Akta 446].

Di samping itu, Kajian *Social Impact Assessment* (SIA) yang dilaksanakan telah mengenal pasti impak kepada masyarakat sekeliling dan cadangan-cadangan bagi mengatasinya. Bagi memastikan masalah sosial yang dicetuskan oleh warga asing tidak berlaku di kawasan perumahan, adalah wajar Kerajaan Negeri mempertimbangkan bagi penyediaan asrama pekerja asing secara penginapan berpusat. Projek ini juga masih relevan untuk dilaksanakan kerana terdapat keperluan bagi pembinaannya tetapi pihak pemaju hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT untuk pemajuan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

4. Senaraikan bilangan pemegang Permohonan Permit Sementara mengikut daerah dan kategori permit untuk tahun 2024 sehingga kini.
 - (a) Sejauh manakah permit ini diberikan kepada penjaja dan peniaga kecil sebelum mereka dilokasikan semula?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Senarai bilangan pemegang Permit Sementara mengikut daerah dan kategori permit untuk tahun 2024 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Permit ini merupakan satu permit perniagaan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menjalankan perniagaan secara sementara dalam tempoh-tempoh tertentu dan di lokasi-lokasi tertentu. Permit ini tidak boleh diberikan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menjalankan aktiviti penjajaan secara kekal di sesuatu lokasi sementara menunggu untuk ditempatkan semula ke lokasi yang dibenarkan oleh PBT.

LAMPIRAN A**SENARAI BILANGAN PEMEGANG PERMOHONAN PERMIT
SEMENTARA MENGIKUT DAERAH DAN KATEGORI PERMIT MULAI
TAHUN 2024 SEHINGGA BULAN APRIL 2025 BAGI MAJLIS
BANDARAYA PULAU PINANG**

BIL.	KATEGORI PERMIT	TIMUR LAUT	BARAT DAYA
1	Permit Sementara Bermusim Buah Durian	170	112
2	Permit Sementara Bermusim Lemang	5	3
3	Permit Sementara Bermusim Kew Ong Ya	124	3
4	Permit Sementara Bermusim Ramadhan	13	11
5	Permit Sementara Perayaan Deepavali	67	0
6	Permit Sementara Perayaan Thaipusam	1	0
7	Permit Sementara Perayaan Tahun Baru Cina	131	19
JUMLAH		511	148
JUMLAH KESELURUHAN		659	

LAMPIRAN A**SENARAI BILANGAN PEMEGANG PERMOHONAN PERMIT
SEMENTARA MENGIKUT DAERAH DAN KATEGORI PERMIT MULAI
TAHUN 2024 SEHINGGA BULAN APRIL 2025 BAGI MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI**

BIL.	KATEGORI PERMIT	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN
1	Buah Bermusim	10	34	10
2	Perniagaan Sementara Dalam Pasaraya	2	45	3
3	Penganjuran (Karnival / Ekspo)	30	34	14
4	Perniagaan Sementara	279	452	139
JUMLAH		321	565	166
JUMLAH KESELURUHAN		1,052		

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

5. Apakah statistik terkini keciciran murid di Pulau Pinang, khususnya semasa transisi dari sekolah rendah ke menengah dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah punca utama keciciran seperti yang dikenal pasti oleh pihak berkuasa?
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Statistik terkini keciciran murid di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	JUMLAH
1.	2020	882
2.	2021	115 (COVID 19)
3.	2022	602
4.	2023	419
5.	2024	240
6.	2025	366*

***Jumlah 366 bagi tahun 2025 belum mengambil kira pelajar yang:**

- (i) Ke sekolah harian luar Pulau Pinang atau luar negara;
- (ii) Ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) luar Pulau Pinang;
- (iii) Ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM); dan

- (iv) Ke sekolah agama atau pusat tahfiz selain KPM atau lain-lain.
- (a) Pelbagai faktor menjadi punca kepada keciciran murid antaranya adalah seperti pertama; tidak berminat ke sekolah. Kedua; dibuang sekolah kerana tindakan disiplin. Ketiga; murid bekerja dan yang terakhir masalah keluarga.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah menjalankan pelbagai aktiviti di bawah program Sifar Murid Cicir (SMC) untuk mengatasi masalah keciciran murid. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:
 - (i) Ziarah kasih di mana pihak pendidikan bersama Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS) membuat lawatan ke rumah untuk menyantuni keluarga murid cicir dan dibawa kembali institusi pendidikan;
 - (ii) Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) *We Care* melalui panggilan telefon oleh guru kaunseling sekolah kepada murid cicir akan terus dilaksanakan segera bagi menghubungkan murid cicir dengan institusi pendidikan;
 - (iii) Mengadakan kem kepada murid berisiko cicir untuk mengelakkan murid terus tercicir dari sekolah; dan
 - (iv) Mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan secara tahunan untuk membantu murid yang cicir persekolahan mendapat akses kepada sistem pendidikan sama ada di sekolah atau pusat latihan yang lain misalnya, melaksanakan program Karnival Jom Sekolah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

6. Sejauh manakah tindakan advokasi dan pemantauan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ketagihan rokok elektronik dalam kalangan pelajar sekolah di sebalik kewujudan vape jenis *magic mushroom*?
- (a) Berapakah jumlah tangkapan yang telah dilakukan sepanjang tahun 2024 sehingga kini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Antara tindakan advokasi dan pemantauan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bagi menangani masalah ketagihan rokok elektronik dalam kalangan pelajar sekolah di sebalik kewujudan vape jenis *magic mushroom* adalah seperti berikut:
- (i) Berdasarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 17 Tahun 2015 berkaitan Larangan Penggunaan Rokok Elektronik atau Vape di Sekolah, rokok elektronik atau vape adalah dilarang penggunaannya dalam kawasan sekolah. Larangan ini termasuk perbuatan membawa, menghisap, mengedar, menjual, memiliki, menyimpan, mempamerkan, menyiarkan, menyebarkan atau mengiklankan rokok elektronik atau vape termasuk *e-liquid* dan sebarang alatan yang berkaitan dengannya. Sekiranya murid mengingkari larangan ini, pihak sekolah boleh melaksanakan tindakan seperti berikut:

- a) Bagi kesalahan kali pertama, pihak sekolah hendaklah memanggil ibu/bapa penjaga murid yang terlibat untuk memaklumkan kesalahan murid, mendapatkan kerjasama dalam membendung permasalahan anak/jagaan murid yang terlibat, melengkapkan borang aku janji dan menyerahkan kembali rokok elektronik atau vape yang dirampas kepada ibu bapa/penjaga murid berkenaan;
 - b) Bagi kesalahan kali kedua, Pengetua atau Guru Besar sekolah adalah dibenarkan mengambil tindakan disiplin dengan menggantung persekolahan murid yang terlibat selama tidak lebih dari 14 hari persekolahan yang tidak melibatkan peperiksaan awam dan semua murid yang dilaporkan melakukan kesalahan berkaitan dengan rokok elektronik atau vape akan mengikuti sesi pemulihan tingkah laku dengan guru bimbingan kaunseling sepanjang tahun di sekolah. Setelah itu, pemantauan dan tindakan susulan daripada guru bimbingan dan kaunseling serta guru disiplin sekolah akan dilaksanakan secara berterusan.
- (ii) Mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak yang mempunyai kepakaran berkaitan dengan masalah ketagihan rokok elektronik dalam kalangan murid sekolah di sebalik kewujudan vape jenis *magic mushroom*. Antara agensi yang terlibat dan program yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
- a) Jabatan Kesihatan Negeri melaksanakan yang pertama, Forum memperkasa jati diri murid dengan nilai karamah insaniah dalam menangani pengaruh bahan terlarang dan masalah sosial semasa. Kedua, pameran dan ceramah di sekolah-sekolah berkaitan salah guna vape;
 - b) Pusat Racun Negara melaksanakan yang pertama, forum memperkasa jati diri murid dengan nilai karamah insaniah dalam menangani pengaruh bahan terlarang dan masalah sosial semasa. Kedua, penghasilan modul literasi kesihatan bahaya rokok elektronik dan teknik *Visualisation in Participatory Programs* (VIPP). Ketiga, program bina upaya dan pemerkasaan mahasiswa universiti, guru dan pelajar sekolah menengah ke arah membentuk generasi penamat

tembakau menerusi teknik VIPP kepada sekolah menengah di Pulau Pinang; dan

- c) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang mengadakan: yang pertama, *great teacher organization* kepada guru-guru Pulau Pinang berkaitan dengan *substance* dan bahan terlarang. Kedua, program Generasi Remaja Excellent (GEN REMEX) bagi murid-murid yang terlibat salah laku sahsiah dan disiplin. Ketiga, program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR). Keempat, ceramah kepada murid-murid sempena dengan sambutan minggu anti dadah peringkat sekolah. Kelima, E-karnival Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) bagi menyampaikan mesej berkaitan dengan dadah dan *substance*.
- (iii) Pelantikan Duta Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di seluruh sekolah Negeri Pulau Pinang. Seramai 40 murid telah dipilih untuk menjadi duta PPDa dengan tujuan untuk menyampaikan mesej kepada rakan-rakan murid berkaitan dengan salah guna bahan terlarang termasuk salah guna dan keburukan rokok elektronik.
- (a) Berdasarkan semakan rekod Sistem Sahsiah Diri Murid JPNPP, pada tahun 2024, seramai 981 murid dicatatkan telah terlibat dengan salah laku berkaitan rokok elektronik atau vape di Negeri Pulau Pinang manakala dari Januari sehingga Februari 2025, seramai 12 murid dicatatkan bagi salah laku yang sama.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

7. Apakah usaha kerajaan dalam membangunkan Pantai Pasir Panjang, Pulau Betong sebagai pusat pelancongan?
- (a) Apakah kemudahan yang disediakan di sini dan pihak manakah yang bertanggungjawab untuk menyelia?
 - (b) Mengapakah tandas dan surau tidak diselenggara sepanjang masa?
 - (c) Sejauh manakah penjaja dibenarkan untuk berniaga dalam menarik lebih ramai pelancong di sini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Pantai Pasir Panjang adalah pantai yang terletak bersebelahan dengan Kem Akademi Kenegaraan Malaysia dan menjadi tumpuan penduduk sekitar pada hujung minggu untuk berkelah dan memancing. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya akan menyelenggara fasiliti yang disediakan di Pantai Pasir Panjang sebagai usaha Kerajaan Negeri menaikkan imej pantai tersebut sebagai tarikan pelancongan.
- (a) Kemudahan yang disediakan adalah laluan/tangga dari jalan ke pantai serta surau dan tandas untuk kegunaan awam. Fasiliti ini diselenggara oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya.

- (b) Tandas dan surau di Pantai Pasir Panjang telah ditutup sebelum ini kerana masalah bekalan air. Penyenggaraan fasiliti ini akan mula dilakukan dalam masa terdekat dengan menggunakan peruntukan PRISMA, ICU, JPM.
- (c) Kebenaran berniaga oleh penjaja di kawasan tersebut adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Sekiranya terdapat peniaga yang berminat menjalankan perniagaan di kawasan tersebut, permohonan lesen Gerai Tanah Persendirian (GTP) boleh dikemukakan dalam Sistem uLesen MBPP dengan syarat surat kebenaran dari tuan tanah perlu dikepilkan bersama.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

8. Senaraikan program sukan dalam kalendar sukan di Pulau Pinang untuk sepanjang tahun 2025.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam menjalankan liga divisyen untuk pembangunan bola sepak di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah pelan jangka masa panjang kerajaan untuk membantu pasukan futsal Pulau Pinang kembali bermain dalam Liga MPFL?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kalendar Sukan Massa Negeri Pulau Pinang yang diselia penganjurannya melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) untuk tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Dalam memastikan kelangsungan Liga Bola Sepak yang digerakkan oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 untuk membantu pihak persatuan sukan negeri bagi menganjurkan liga-liga tempatan bola sepak negeri yang merangkumi Liga Divisyen 1, Divisyen 2 dan Divisyen 3, Piala FA, Liga Bawah 19 Tahun, Liga Bawah 16 Tahun, Liga Futsal dan Liga Bola Sepak sebagai platform untuk mencungkil bakat baharu dalam kalangan pemain bola sepak di Pulau Pinang.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui MSNPP telah melaksanakan pembentukan pasukan Futsal Negeri Pulau Pinang bagi menghadapi temasya SUKMA 2026 serta penyertaan pasukan

ini dalam Liga MPFL Divisyen 2. Jalinan kerjasama di antara Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang bersama MSNPP telah digerakkan bagi memastikan pasukan ini memberikan persaingan yang terbaik untuk muncul sebagai pemenang utama dalam kedua-dua kejohanan yang disertai.

KALENDAR PROGRAM SUKAN MASSA MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG UNTUK TAHUN 2025

BIL	BULAN	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	JANUARI	<i>CITY WALK 2025</i>	01/01/2025	PADANG KOTA
2		OBS LARIAN TAHUN BARU CINA	12/01/2025	LEBUH PANTAI
3		PESTA PONGGAL BERSAMA TYT	19/01/2025	JBSNPP, BATU UBAN
4		LARIAN TOM KHOO 2025	19/01/2025	BSG GALERIA, PENANG
5		PAAA LUMBA JALAN KAKI TERBUKA P.PG	23/01/2025	BERTAM PERDANA , KEPALA BATAS
6	FEBRUARI	LARIAN PANTAI HOSPITAL " <i>CANCER RUN</i> "	15/02/2025	SETIA FONTAINES, BERTAM
7		PAAA LARIAN MERENTAS DESA	16/02/2025	SMK PERMATANG PASIR , BM
8		LARIAN TOM KHOO 2025	16/02/2025	BSG GALERIA, PULAU PINANG
9		KAYUHAN BERBASIKAL MYBROMPTON	23/02/2025	NEW WORLD PARK
10		CSR 4TH SHINE RUN 2025 SRJK (CINA)	23/02/2025	BUTTERWORTH
11		<i>PMAA TRACK RELAY RUN</i>	23/02/2025	STADIUM BANDARAYA PULAU PINANG
12		<i>CSR MSN HIGH PERFORMANCE RISING STAR</i>	26/02/2025	SJK (T) AZAD, JLN KEBUN BG
13	MAC	<i>SUK FRIENDLY GOLF - PENANG VS PERLIS</i>	01/03/2025	BERTAM GOLF RESORT
14		LARIAN <i>I LOVE JIT SIN 2025</i>	23/03/2025	SJK C JIT SIN, BM
15		CSR <i>RISING STAR -SUKAN KABBADI</i>	28/03/2025	SMK HAMID KHAN, GELUGOR
16	APRIL	LARIAN HARI RAYA RUN 2025	13/04/2025	LEBUH PANTAI GEORGETOWN

LAMPIRAN A

BIL	BULAN	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
17		CSR <i>RISNG STAR</i> - SUKAN PICKLEBALL	19/04/2025	RUMAH ANAK YATIM CFH
18		CSR <i>CHARIS HOSPICE RUN</i>	19/04/2025	BAYANA BAY, BAYAN LEPAS
19		1ST <i>INTERNATIONAL ROWING BEACH SPRINT(5 STATES)</i>	26/04/2025	PG CHINESE SWIMMING CLUB
20		KAILAS <i>SKYRACE 2025</i>	26-27/04/2025	TAMAN BELIA, PULAU PINANG
21		BYD <i>RUN 2025</i>	27/04/2025	PADANG KOTA LAMA
22		CSR MOTIVASI SUKAN MEMBINA SEMANGAT UNTUK MENGATASI CABARAN SPM	29/04/2025	SMK ST XAVIER, GEORGE TOWN
23		CSR <i>RISING STAR</i> - SUKAN PICKLEBALL	30/04/2025	SJK (T) RAMAKRISHNA
24	MEI	GICF - <i>GEORGETOWN INTERNATIONAL FEST</i>	2-4/05/2026	PADANG KOTA LAMA
25		PICKLEBALL <i>CHALLENGE 2025</i>	04/05/2025	GOAT PICKLE BALL, JELUTONG
26		LARIAN AMAL PESAKIT KANSER FITSUNNAH	18/05/2025	LEBUH PANTAI GEORGETOWN
27		<i>SPOGOMI WORLD SERIES 2025</i>	24/05/2025	CITY STADIUM PENANG
28		PROGRAM SPOGOMI	24/05/2025	STADIUM BANDARAYA PULAU PINANG
29	JUN	LARIAN AMAL <i>ROCK TO ROCK RUN '25</i>	15/06/2025	HOTEL HARD ROCK
30		LARIAN PANTAI MARATHON 2025	22/06/2025	QUEENSBAY MALL
31		PERPADUAN CHARITY HIKE 2025	29/06/2025	TAMAN BELIA, PULAU PINANG
32	JULAI	JCI <i>PEARL RUN 2025</i>	06/07/2025	VERVEA, ASPEN BATU KAWAN
33		LARIAN AMAL KESEDARAN KANSER INTI	19/07/2025	INTI COLLEGE, PAYA TERUBONG

LAMPIRAN A

BIL	BULAN	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
34	OGOS	PENANG CSC AQUATHLON	10/08/2025	PG CHINESE SWIMMING CLUB
35	SEPTEMBER	LARIAN AMAL SXI 2025	21/09/2025	SMK ST XAVIER PULAU PINANG
36	OKTOBER	<i>COLOURFULL RUN 8.0 2025</i>	05/10/2025	1ST AVENUE, GEORGETOWN
37	NOVEMBER	<i>LOVE PENANG RUN 2025</i>	23/11/2025	LEBUH PANTAI, PULAU PINANG

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

9. Senaraikan bilangan judi siber yang diserbu dan diambil tindakan oleh pihak berkuasa mengikut kategori dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah judi siber ini yang semakin berleluasa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. Berikut adalah bilangan judi siber yang diserbu dan diambil tindakan oleh pihak berkuasa mengikut kategori dari tahun 2020 sehingga kini.

TAHUN	TINDAKAN SERBUAN
2020	217
2021	287
2022	528
2023	796
2024	361
2025 (Sehinga MAC)	113

- (a) Usaha kerajaan dalam mengatasi masalah judi siber ini yang semakin berleluasa adalah seperti berikut:
- (i) **Penguatkuasaan Undang-Undang;**
- 1) Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC)

menjalankan Operasi Bersepadu untuk menumpaskan sindiket judi siber; dan

- 2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 digunakan untuk mendakwa individu atau sindiket yang terlibat.

(ii) Sekatan Laman Web Dan Aplikasi;

- 1) MCMC menyekat akses ke laman web dan aplikasi berkaitan judi dalam talian yang dikenal pasti aktif; dan
- 2) Ribuan laman web telah disenarai hitam dan disekat setiap tahun.

(iii) Kempen Kesedaran Awam;

- 1) Kerajaan menjalankan kempen untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya judi siber dan kesan buruknya terhadap individu dan keluarga; dan
- 2) Pendidikan awal di sekolah dan melalui media massa juga diperluaskan.

(iv) Kerjasama Antara Agensi; dan

- 1) Kerjasama antara PDRM, MCMC, Bank Negara Malaysia dan Institusi Kewangan diperkuat untuk menjejaki aliran kewangan sindiket dan membekukan akaun yang mencurigakan.

(v) Pemantauan Dan Teknologi Terkini.

- 1) Penggunaan sistem pemantauan pintar dan kepakaran siber untuk mengenal pasti serta menghapuskan rangkaian judi siber; dan
- 2) Latihan dan peningkatan keupayaan anggota penguat kuasa dalam bidang jenayah siber turut dijalankan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

10. Mohon kerajaan nyatakan dengan jelas Garis Panduan Pemilihan Jawatankuasa Qaryah terkini bagi sesi tahun 2025.
- (a) Sejauh manakah kerajaan akan pastikan pemilihan kali ini tidak ada campur tangan politik?
 - (b) Apakah tindakan kerajaan kepada parti politik kerajaan yang menggunakan masjid sebagai agenda politik mereka?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Seksyen 104(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (pindaan 2023) memperuntukkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) boleh dengan kelulusan Yang di-Pertua Agong membuat peraturan bagi:
- (i) Penubuhan jawatankuasa kariah bagi sesuatu kariah masjid; dan
 - (ii) Menetapkan cara bagaimana anggota jawatankuasa kariah itu hendak dilantik.

Berdasarkan seksyen di atas, MAINPP telah menentukan Tatacara Pencalonan Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang 2024 yang pastinya mengharapkan jawatankuasa kariah yang dilantik dapat membantu MAINPP mentadbir kariah mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 dan Kaedah-

Kaedah Jawatankuasa Qariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997.

Jawatankuasa yang dilantik akan berperanan bagi pengelolaan sempurna keadaan baik masjid, surau dan semua tanah perkuburan Islam dalam kariah dan berkemampuan menjalankan daya usaha memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat orang Islam dalam kariah.

- (a) Tatacara Pemilihan ini telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.11 Tahun 2024 (kali ke 259) bertarikh 18 November 2024 dan telah diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong pada 2 Disember 2024 di mana Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) akan menguruskan sepenuhnya urusan cadangan pelantikan Jawatankuasa Kariah sesi 2026-2028 ini.

Justeru, bagi memastikan tiada sebarang campur tangan politik dalam pemilihan ini, pencalonan perlulah dicadangkan oleh seorang pencadang dan mendapat sekurang-kurangnya seorang penyokong yang ditentukan sendiri oleh ahli-ahli kariah yang hadir dalam mesyuarat agong pencalonan. Selain itu, antara syarat pencalonan adalah calon perlu tinggal tetap dalam kariah masjid itu bagi tempoh tidak kurang daripada 3 bulan dan calon perlu hadir ke mesyuarat pencalonan tersebut.

- (b) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah mengeluarkan ketetapan berkaitan Tatacara Penggunaan Masjid dan Surau di negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa 23 Mac 2023 yang menegaskan bahawa jemputan terhadap mana-mana individu yang memegang jawatan politik sebagai Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negeri, Ahli Dewan Negara atau menjadi calon pilihanraya dalam tempoh lima tahun adalah dilarang dari memimpin solat, menyampaikan khutbah atau ceramah atau merasmikan apa-apa program anjuran masjid dan surau di negeri ini kecuali Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Demikian juga setiap kuliah yang disampaikan tidak boleh menyentuh isu-isu politik kepartian dan sensitiviti kaum dan

agama serta menjaga adab sopan dari segi bahasa dalam penyampaian.

Oleh itu, semua jawatankuasa kariah dan Pegawai Masjid dikehendaki mematuhi arahan ini. Justeru, mana-mana jawatankuasa kariah yang tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh MAINPP atau JHEAIPP, maka MAINPP boleh mengenakan tindakan menggantung atau menamatkan jawatankuasa kariah dan pegawai masjid tersebut selaras dengan Kaedah 33(f), Kaedah-kaedah Jawatankuasa Qaryah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

11. Senaraikan bilangan ladang babi yang terdapat di setiap DUN yang memenuhi spesifikasi Akta Penternakan Babi serta bilangan babi bagi setiap ladang.
- (a) Berapakah kompaun yang telah dikenakan kepada pemilik ladang yang melanggar peraturan ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang tidak merekod data ladang babi mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN). Data bilangan ladang babi dan bilangan ternakan babi yang terkini mengikut daerah adalah seperti jadual yang berikut:

Daerah	Bilangan Ladang	Bilangan Ternakan (Ekor)
Seberang Perai Selatan	37	37,084
Seberang Perai Utara	63	111,723
Seberang Perai Tengah	4	9,250
Barat Daya	2	4,700
Jumlah	106	162,757

- (a) Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan dari tahun 2021 hingga 2025 mengikut daerah adalah seperti jadual yang berikut:

Daerah	Jumlah Kompaun (RM)
Seberang Perai Selatan	RM161,500.00
Seberang Perai Utara	RM299,000.00
Seberang Perai Tengah	RM35,500.00
Barat Daya	RM29,500.00
Jumlah	RM525,500.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

12. Apakah usaha kerajaan bagi menjadikan pasukan bola sepak Penang FC sebagai salah satu pencabar utama dalam saingan utama Liga Malaysia?
- (a) Apakah target kerajaan dan berapakah peruntukan yang disediakan kepada pasukan ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Usaha Kerajaan Negeri menjadikan Penang FC sebagai pencabar utama dalam saingan utama Liga Malaysia adalah seperti berikut:
- (i) Menyalurkan geran tahunan bagi setiap musim untuk menampung kos pengurusan dan operasi kelab untuk menyokong pembangunan dan kemajuan pasukan tersebut. Melalui peruntukan tersebut juga, struktur pasukan Penang FC telah berkembang sejak tahun 2021 bertujuan menjadikan Penang FC lebih kompetitif. Bermula dengan dua buah pasukan, Penang FC kini mengendalikan tiga pasukan merangkumi pasukan utama, pasukan simpanan, dan pembangunan akar umbi;
- (ii) Membawa masuk pemain baharu yang berpengalaman, bagi meningkatkan kualiti permainan dan kepimpinan di atas padang;
- (iii) Mengekalkan pemain sedia ada yang menunjukkan peningkatan prestasi, sebagai kesinambungan dalam pasukan; dan

- (iv) Mengadakan persiapan pra-musim lebih awal iaitu pada Jun 2025 untuk menghadapi Liga Malaysia musim 2025/2026 yang dijangka bermula pada Ogos 2025.
- (a) Penang FC telah menetapkan beberapa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan target bagi musim akan datang. Antara target utama iaitu kedudukan dalam Liga Super Malaysia dengan menyasarkan untuk menamatkan saingan dalam kedudukan tujuh (7) terbaik, bergantung kepada jumlah pasukan yang bertanding. KPI yang ditetapkan kepada jurulatih dan pengurus pasukan akan dipantau melalui laporan berkala di peringkat Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pemain telah diberi galakan untuk mengadakan pertandingan perlawanan persahabatan dengan kelab lain dalam negeri dan luar negara untuk meningkatkan corak permainan. Penang FC juga mengadakan usahasama dengan pihak swasta untuk mendapatkan penajaan dan sumbangan. Sebagai langkah untuk meningkatkan kualiti pemain dan pengurusan Penang FC, klinik motivasi akan diadakan secara berkala. Melalui sokongan berterusan Kerajaan Negeri, serta perancangan rapi di peringkat pengurusan dan teknikal, Penang FC optimis untuk kembali mencabar kedudukan terbaik dalam arena bola sepak Malaysia.

Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang FC sejak tahun 2021 adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	2021	8,736,026.30
2.	2022	11,000,000.00
3.	2023	13,700,000.00
4.	2024	10,200,000.00
5.	2025	8,000,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

13. Berapakah jumlah pelancong dari negara China dan India yang masuk ke Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 2024?
- (a) Senaraikan penerbangan terus dan syarikat penerbangan terkini yang mendarat di LTAPP.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Berdasarkan rekod ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, jumlah pelancong dari China yang masuk ke Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2020 hingga 2024 adalah seramai 171,883 orang. Manakala bagi pelancong dari negara India adalah seramai 22,614 orang. Jumlah pelancong dari China dan India dari tahun 2020 sehingga 2024 adalah seperti di **Jadual 1**. Angka-angka tersebut tidak termasuk pelancong China dan India yang tiba melalui penerbangan domestik, darat dan laut.

Jadual 1		
Bilangan Pelancong Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (2020-2024)		
Tahun	Bil. Pelancong China	Bil. Pelancong India
2020	7,906	778
2021	103	25
2022	5,918	3,336
2023	37,711	7,348
2024	120,245	11,127
Jumlah	171,883	22,614

*Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia Pulau Pinang.

- (a) Senarai penerbangan terus dan syarikat penerbangan yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah di **Lampiran A**. Senarai ini sehingga 30-4-2025 dan tidak termasuk penerbangan sewaan (chartered flight).

LAMPIRAN A**SENARAI PENERBANGAN TERUS (ANTARABANGSA) KE PULAU PINANG.**

BIL	SEKTOR	SYARIKAT PENERBANGAN
1	Bangkok (BKK)	THAI AIRWAYS (THA)
		FIREFLY (FFM)
2	Don Mueang (DMK)	AIRASIA (AIQ)
		THAI LION AIR (TLM)
		FIREFLY (FFM)
3	Phuket (HKT)	FIREFLY (FFM)
4	Medan (KNO)	AIRASIA (IDX, AWQ & AXM)
		LION AIR (LNI)
		CITILINK (CTV)
5	Jakarta (CGK)	AIRASIA (IDX & AWQ)
		BATIK AIR (BTK)
6	Surabaya (SUB)	AIRASIA (IDX, AWQ & AXM)
7	Banda Aceh (BTJ)	FIREFLY (FFM)
8	Taipei (TPE)	CHINA AIRLINE (CAL)
9	Guangzhou (CAN)	CHINA SOUTHERN AIRLINE (CSN)
10	Xiamen (XMN)	XIAMEN AIRLINES (CXA)
11	Shanghai (PVG)	JUNEYAO AIRLINES (DKH)
		SHANGHAI AIRLINES (CSH)
12	Shenzhen (SZX)	AIRASIA (AXM)
		SHENZHEN AIRLINES (CSZ)
13	Xi'an (XIY)	LOONG AIR (GJ)
14	Hong Kong (HKG)	CATHAY PACIFIC (CPA)
		HONG KONG EXPRESS (HKE)
15	Singapore (SIN)	AIRASIA (AXM)
		JETSTAR (JSA)
		SCOOT AIRLINES (TGW)
		SINGAPORE AIR (SIA)
		FIREFLY (FFM)
16	Ho Chi Minh City (SGN)	AIRASIA (AXM)
17	Doha (DOH)	QATAR AIRWAYS (QTR)
18	Dubai (DXB)	FLYDUBAI (FDB)
19	Chennai (MAA)	INDIGO AIRLINES (IGO)
20	Yangon (RGN)	MYANMAR AIRWAYS INTERNATIONAL (MMA)
21	Chengdu (CTU)	SICHUAN AIRLINES (CSC)

SENARAI PENERBANGAN TERUS (DOMESTIK) KE PULAU PINANG

NO	SEKTOR	SYARIKAT PENERBANGAN
1	Johor Bahru (JHB)	AIRASIA (AXM)
		FIREFLY (FFM)
2	Kota Kinabalu (BKI)	FIREFLY (FFM)
		AIRASIA (AXM)
3	KLIA (KUL)	AIRASIA (AXM)
		MAS
		BATIK AIR MALAYSIA (MXD)
		FIREFLY (FFM)
4	Kuching (KCH)	AIRASIA (AXM)
5	Kota Bharu (KBR)	FIREFLY (FFM)
6	Subang (SZB)	FIREFLY (FFM)
		BATIK AIR MALAYSIA (MXD)
7	Langkawi (LGK)	AIRASIA (AXM)
		FIREFLY (FFM)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

14. Nyatakan tanah kerajaan yang terbiar yang telah dibangunkan fasiliti sukan pada tahun 2022 hingga 2024 dan senaraikan fasiliti apa yang telah dibangunkan.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam menghalang anjing daripada masuk fasiliti sukan dalam menjaga sensitiviti masyarakat?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Maklumat yang diperolehi daripada kelima-lima (5) Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Pulau Pinang sehingga kini tiada tanah terbiar yang dibangunkan untuk dijadikan fasiliti sukan.
- (a) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam menghalang anjing daripada memasuki fasiliti sukan adalah dengan memasang atau membina pagar yang bersesuaian tertakluk kepada peruntukan yang diterima. Selain itu, aduan bagi tangkapan anjing juga akan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk diuruskan dengan kerjasama pihak pengurusan kawasan berkenaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

15. Apakah status terkini Pasar Awam Teluk Kumbar yang hendak dibina?
- (a) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk membina pasar ini dan bilakah dijangka dapat digunakan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Buat masa ini, kerja-kerja pembersihan tapak sedang dijalankan di Pasar Awam Teluk Kumbar sebelum pelaksanaan kerja-kerja pembinaan yang dijangka akan bermula pada 01 Jun 2025.
- (a) Jumlah kos keseluruhan bagi pembinaan Pasar Awam Teluk Kumbar adalah sejumlah RM24.8 juta. Projek ini dijangka siap pada 31 Januari 2027 dan dijangka beroperasi pada bulan April 2027.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

16. Senaraikan sungai-sungai di Pulau Pinang yang berada di atas tanah persendirian mengikut daerah.
- (a) Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menyelenggara sungai-sungai ini yang boleh menyebabkan banjir?
 - (b) Apakah inisiatif yang disediakan untuk menyelenggara sungai-sungai ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Terdapat sejumlah 37 sungai/anak sungai yang berada di atas tanah persendirian di Pulau Pinang. Senarai sungai/anak sungai tersebut mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai-sungai utama di seluruh Pulau Pinang secara berkala setiap tahun. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan bagi memastikan aliran air ke sungai adalah lancar dan tidak terganggu.
 - (b) JPSPP turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kecemasan tertakluk kepada keperluan semasa, ketersediaan peruntukan dan kerjasama yang diberikan oleh pemilik tanah tersebut.

JADUAL 1: SENARAI SUNGAI DI ATAS TANAH PERSENDIRIAN DI PULAU PINANG

BIL.	DAERAH	TADAHAN AIR	SUNGAI/ANAK SUNGAI
1	Timur Laut	Sungai Kecil	Sungai Kechil
2	Timur Laut	Sungai Kelian	Sungai Kelian
3	Timur Laut	Sungai Mas	Sungai Mas
4	Timur Laut	Sungai Batu Feringghi	Sungai Batu Feringghi
5	Timur Laut	Sungai Satu	Sungai Satu
6	Timur Laut	Sungai Fettes	Sungai Fettes
7	Timur Laut	Sungai Balik Batu	Sungai Balik Batu
8	Timur Laut	Sungai Bagan Jermal	Sungai Bagan Jermal
9	Timur Laut	Sungai Babi	Sungai Babi
10	Timur Laut	Sungai Tokong Kecil	Sungai Tokong Kecil
11	Timur Laut	Sungai Teluk Nangka	Sungai Teluk Nangka
12	Timur Laut	Sungai Siru	Sungai Siru
13	Timur Laut	Parit Tanjung Pinang	Parit Tanjung Pinang
14	Timur Laut	Sungai Pinang	Sungai Pinang
15			Sungai Air Terjun
16			Sungai Jelutong Hilir
17			Sungai Mati
18			Sungai Air Itam
19			Cabang Sungai Air Itam
20			Cabang Anak Sungai Air Itam
21			Sungai Dondang
22			Sungai Air Putih
23			Sungai Kecil

BIL.	DAERAH	TADAHAN AIR	SUNGAI/ANAK SUNGAI
24	Timur Laut	Sungai Jelutong Barat	Parit Konkrit Medan Tunku
25			Sungai Jelutong Hulu
26			Cabang Sungai Jelutong
27	Timur Laut	Sungai Gelugor	Parit Konkrit Utama Sungai Gelugor
28			Cabang Sungai Gelugor (Parit M9)
29			Parit Konkrit Sungai Gelugor A
30			Parit Konkrit Tepi Masjid Kampong
32	Timur Laut	Sungai Dua Besar	Sungai Dua Besar
33			Cabang Sungai Dua Besar (A-B)
34			Parit Taman Pekaka (C-D) Hamna
35			Parit Pesta
36			Sungai RIMV
37	Barat Daya	Sungai Relau	Sungai Relau

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

17. Apakah status kekurangan guru mengikut subjek utama di Pulau Pinang dan bagaimanakah penempatan semula guru dilaksanakan bagi menampung kekurangan tersebut?
- (a) Apakah langkah-langkah strategik yang diambil untuk memastikan penempatan guru baharu dapat memenuhi keperluan di kawasan yang mengalami kekurangan tenaga pengajar?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Status kekurangan guru di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Pengisian guru sekolah rendah di Pulau Pinang sehingga 28 April 2025 adalah sebanyak 98.21% iaitu 10,291 orang guru. Jumlah kekosongan guru pada masa ini berjumlah 187 kekosongan daripada 10,478 watan perjawatan yang telah diperuntukkan untuk Negeri Pulau Pinang. Oleh hal demikian, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengenal pasti beberapa subjek yang mengalami kekurangan guru di Pulau Pinang antaranya adalah Bahasa Melayu, Pendidikan Seni Visual, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani, Bahasa Arab, Pendidikan Khas dan Muzik; dan
- (ii) Pengisian guru sekolah menengah di Pulau Pinang sehingga 28 April 2025 adalah sebanyak 94.24% iaitu 7,364 orang guru. Jumlah kekosongan guru pada masa ini berjumlah 450 kekosongan daripada 7,814 watan perjawatan yang telah

diperuntukkan untuk Negeri Pulau Pinang. Oleh hal demikian, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengenal pasti beberapa subjek yang mengalami kekurangan guru di Pulau Pinang antaranya adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Reka Bentuk Teknologi, Geografi dan Bahasa Cina.

Kekurangan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti persaraan guru, kenaikan pangkat, cuti belajar dan lain-lain. Kekurangan guru akan diselaras antara PPD agar kekurangan ini seragam. Proses penempatan semula guru dilaksanakan jika sesuatu sekolah mengalami lebihan guru. Mereka akan digerakkan ke sekolah yang berhampiran mengikut keperluan opsyen.

- (a) Antara langkah-langkah strategik yang diambil untuk memastikan penempatan guru baharu dapat memenuhi keperluan di kawasan yang mengalami kekurangan tenaga pengajar, pihak JPNPP akan menilai penempatan guru berdasarkan dua faktor utama, iaitu kekosongan jawatan dan keperluan opsyen. Ini bertujuan untuk memastikan penempatan guru dilakukan secara tepat, berkesan dan memenuhi keperluan sebenar sekolah. Pertama, kekosongan ini berlaku akibat faktor seperti persaraan, pertukaran, peletakan jawatan, kematian atau penubuhan sekolah baharu. Data kekosongan ini menjadi asas utama dalam menentukan bilangan guru yang perlu dilantik dan penempatan mereka. Kedua, Keperluan Opsyen (Pengkhususan Subjek), selain kekosongan umum, keperluan juga dinilai berdasarkan opsyen atau pengkhususan mata pelajaran. Misalnya, jika sesuatu sekolah kekurangan guru Bahasa Inggeris, maka keutamaan penempatan akan diberikan kepada guru yang berkelayakan dalam opsyen Bahasa Inggeris. Hal ini penting untuk memastikan guru yang ditempatkan mampu mengajar subjek tertentu dengan kepakaran yang sesuai seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

18. Senaraikan sekolah yang mengalami kepadatan murid melebihi kapasiti dan berapakah pula sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM) pada tahun ini?
- (a) Apakah langkah yang diambil untuk menangani masalah kepadatan murid di sesetengah sekolah dan kekurangan murid di sekolah lain di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Senarai sekolah yang mengalami kepadatan murid melebihi kapasiti adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan jumlah sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM) pada tahun ini adalah seperti berikut:

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD)	BILANGAN SEKOLAH
PPD BARAT DAYA	9
PPD SEBERANG PERAI UTARA	6
PPD SEBERANG PRAI SELATAN	6
PPD SEBERANG PRAI TENGAH	2
PPD TIMUR LAUT	9
JUMLAH KESELURUHAN	32

- (a) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) sentiasa komited dalam menangani isu kepadatan murid di negeri ini. Oleh hal demikian, beberapa projek telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi menangani isu tersebut iaitu dengan pembinaan sekolah baharu dan bangunan tambahan di beberapa sekolah yang berikut:
- (i) Kompleks Sekolah Sungai Tiram (Dua (2) Buah Sekolah Baharu);
 - (ii) SMK Air Putih (Sekolah Baharu);
 - (iii) SMK Datuk Nakhoda Intan (Sekolah Baharu);
 - (iv) Kolej Tingkatan Enam Sri Permatang (Sekolah Baharu);
 - (v) SK Dato' Haji Ahmad Said (Bangunan Tambahan)
 - (vi) SMK Seri Balik Pulau (Bangunan Tambahan);
 - (vii) SK Jelutong (Bangunan Tambahan);
 - (viii) SK Jawi (Bangunan Tambahan);
 - (ix) SK Kampung Tok Bedur (Bangunan Tambahan);
 - (x) SK Kampong Selamat (Bangunan Tambahan);
 - (xi) SK Sungai Kechil (Bangunan Tambahan); dan
 - (xii) SK Genting (Bangunan Tambahan).

Di samping itu, JPNPP juga masih dalam perancangan bagi membina beberapa sekolah baharu dan bangunan tambahan bagi mengurangkan sekolah-sekolah yang berkepadatan murid.

Selain itu, dalam menangani isu Sekolah Kurang Murid, JPNPP telah mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:

- (i) Cadangan penggabungan sekolah kurang murid, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan; dan

- (ii) Membuat publisiti kepada waris agar menghantar murid-murid ke sekolah-sekolah yang kurang murid melalui sekolah-sekolah terlibat.

LAMPIRAN A**SENARAI SEKOLAH YANG MENGALAMI KEPADATAN MURID MELEBIHI KAPASITI DI NEGERI PULAU PINANG**

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
1.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SG NIBONG	SK	PANTAI JEREJAK
2.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU MAUNG	SK	BATU MAUNG
3.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG DAMAR LAUT	SK	BATU MAUNG
4.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	SK	BATU MAUNG
5.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KOROK	SK	TELOK BAHANG
6.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI PINANG	SK	TELOK BAHANG
7.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI RUSA	SK	TELOK BAHANG
8.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR	SK	BAYAN LEPAS
9.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN TITI TERAS	SK	PULAU BETONG
10.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN BARU	SK	PANTAI JEREJAK
11.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI RELAU	SK	BAYAN LEPAS

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
12.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BAYU	SK	BAYAN LEPAS
13.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN MUTIARA PERDANA	SK	BAYAN LEPAS
14.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN BALIK PULAU	SK	PULAU BETONG
15.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PERMAI	SK	PANTAI JEREJAK
16.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG CHENG	SJK(C)	BAYAN LEPAS
17.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG SHAN	SJK(C)	BATU MAUNG
18.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR	SMK	BAYAN LEPAS
19.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA TUN UDA	SMK	PANTAI JEREJAK
20.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PONDOK UPEH	SMK	PULAU BETONG
21.	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	SMK	BATU MAUNG
22.	PPD BARAT DAYA	KOLEJ VOKASIONAL BALIK PULAU	Kolej Vokasional	PULAU BETONG
23.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN ARA RENDANG	SK	PERMATANG BERANGAN

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
24.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BAGAN JERMAL	SK	BAGAN JERMAL
25.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN MOHD SHAH	SK	PINANG TUNGGAL
26.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG TO'BEDOR	SK	PINANG TUNGGAL
27.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PASIR GEBU	SK	PENAGA
28.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PAYA KELADI	SK	PINANG TUNGGAL
29.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PENAGA	SK	PENAGA
30.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PINANG TUNGGAL	SK	PINANG TUNGGAL
31.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI DUA	SK	SUNGAI DUA
32.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN TASEK GELUGOR	SK	PERMATANG BERANGAN

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
33.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG SELAMAT	SK	PINANG TUNGGAL
34.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SENANGAN	SK	TELOK AYER TAWAR
35.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PENGKALAN JAYA	SK	PERMATANG BERANGAN
36.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN KEPALA BATAS	SK	BERTAM
37.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM INDAH	SK	BERTAM
38.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN POKOK SENA	SK	PINANG TUNGGAL
39.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM PERDANA	SK	PINANG TUNGGAL
40.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN DESA MURNI	SK	SUNGAI DUA
41.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM PUTRA	SK	PINANG TUNGGAL

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
42.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) MAK MANDIN	SJK(C)	BAGAN JERMAL
43.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG HWA PUSAT	SJK(C)	BAGAN JERMAL
44.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG HWA 1	SJK(C)	BAGAN JERMAL
45.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) MAK MANDIN	SJK(T)	BAGAN JERMAL
46.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI AHMAD SAID	SMK	SUNGAI DUA
47.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI MUDA	SMK	PENAGA
48.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CHUNG LING BUTTERWORTH	SMK	SUNGAI PUYU
49.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAGAN JAYA	SMK	SUNGAI PUYU
50.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMPONG SELAMAT	SMK	PERMATANG BERANGAN

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
51.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BERTAM PERDANA	SMK	PINANG TUNGGAL
52.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TASEK GELUGOR	SMK	PERMATANG BERANGAN
53.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMPONG KASTAM	SMK	BAGAN JERMAL
54.	PPD SEBERANG PERAI UTARA	KOLEJ VOKASIONAL BUTTERWORTH	Kolej Vokasional	TELOK AYER TAWAR
55.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BAKAP	SK	SUNGAI BAKAP
56.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI DURI	SK	SUNGAI BAKAP
57.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KECHIL	SK	SUNGAI BAKAP
58.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI TASEK	SK	SUNGAI BAKAP
59.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN JAWI	SK	JAWI

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
60.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SAUJANA INDAH	SK	SUNGAI ACHEH
61.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU KAWAN	SK	BUKIT TAMBUN
62.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN TASEK PERMAI	SK	SUNGAI BAKAP
63.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR TASEK MUTIARA	SK	SUNGAI BAKAP
64.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN METHODIST	SK	JAWI
65.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) BOON BENG	SJK(C)	SUNGAI BAKAP
66.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG KUANG	SJK(C)	BUKIT TAMBUN
67.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KENG KON	SJK(C)	BUKIT TAMBUN
68.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN VALDOR	SMK	BUKIT TAMBUN

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
69.	PPD SEBERANG PRAI SELATAN	KOLEJ VOKASIONAL NIBONG TEBAL	Kolej Vokasional	JAWI
70.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN JURU	SK	BUKIT TENGAH
71.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH	SK	BUKIT TENGAH
72.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN MENGKUANG	SK	PENANTI
73.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG TOK KANDU	SK	SEBERANG JAYA
74.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI RAMBAI	SK	PADANG LALANG
75.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN TANAH LIAT	SK	PENANTI
76.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN SEBERANG JAYA	SK	SEBERANG JAYA
77.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI IMPIAN	SK	PENANTI

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
78.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR BARU PERDA	SK	SEBERANG JAYA
79.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN PAUH JAYA	SK	SEBERANG JAYA
80.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN CONVENT	SK	BERAPIT
81.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PERMATANG TINGGI	SJK(C)	MACHANG BUBUK
82.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KIM SEN	SJK(C)	BERAPIT
83.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PENG BIN	SJK(C)	BUKIT TENGAH
84.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SIN YA	SJK(C)	MACHANG BUBUK
85.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) BENG TEIK (PUSAT)	SJK(C)	PADANG LALANG
86.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) BKT MERTAJAM	SJK(T)	BERAPIT

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
87.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL MASRIYAH	SR Agama (SABK)	PERMATANG PASIR
88.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BERAPIT	SMK	BERAPIT
89.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MENGGUANG	SMK	PENANTI
90.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PAUH JAYA	SMK	SEBERANG JAYA
91.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN HUSSEIN ONN	SMK	SEBERANG JAYA
92.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN PERWIRA	SMK	BUKIT TENGAH
93.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MACHANG BUBUK	SMK	MACHANG BUBUK
94.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JALAN DAMAI	SMK	BERAPIT
95.	PPD SEBERANG PRAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CONVENT (M) BUKIT MERTA JAM	SMK	PADANG LALANG

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
96.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN AYER ITAM	SK	AIR ITAM
97.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN DATO KRAMAT	SK	PULAU TIKUS
98.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN JELUTONG	SK	SUNGAI PINANG
99.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI P.RAMLEE	SK	KOMTAR
100.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN SG GELUGOR	SK	SERI DELIMA
101.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN TANJUNG BUNGA	SK	TANJONG BUNGA
102.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN MINDEN HEIGHT	SK	BATU UBAN
103.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT GAMBIR	SK	BATU UBAN
104.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN CONVENT GREEN LANE	SK	BATU LANCANG
105.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN JELUTONG BARAT	SK	BATU LANCANG
106.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PEREMPUAN CHINA	SJK(C)	KEBUN BUNGA
107.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHIAO NAN	SJK(C)	AIR ITAM
108.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KEONG HOE	SJK(C)	BATU UBAN
109.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KWANG HWA	SJK(C)	BATU UBAN
110.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) MIN SIN	SJK(C)	PAYA TERUBONG
111.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SHIH CHUNG CAWANGAN	SJK(C)	BATU UBAN

BIL.	PPD	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	DUN
112.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SUBRAMANIYA BARATHEE	SJK(T)	BATU UBAN
113.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI NIBONG	SMK	BATU UBAN
114.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CHUNG HWA CONFUCIAN	SMK	SERI DELIMA
115.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PHOR TAY	SMK	BATU UBAN
116.	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PADANG POLO	SMK	PULAU TIKUS

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

19. Berapakah jumlah kes buli siber yang direkodkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani peningkatan kes buli siber?
 - (b) Bagaimanakah kerjasama dijalinan dengan agensi Persekutuan dan pihak sekolah dalam usaha pencegahan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) tidak mempunyai rekod aduan bermula tahun 2020. Walau bagaimanapun, bagi tempoh dari tahun 2021 sehingga 6 Mei 2025, sebanyak 963 aduan awam telah direkodkan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) melibatkan Negeri Pulau Pinang. Perincian aduan seperti di **LAMPIRAN A.**
- (a) Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani peningkatan kes buli siber adalah seperti berikut:
 - (i) Kerjasama dengan NGO dalam advokasi dan pendidikan
- Kerajaan Negeri turut menjalinkan kerjasama dengan NGO seperti *Women's Centre for Change* (WCC) untuk menjalankan program kesedaran dan pendidikan, khususnya dalam kalangan belia, wanita, dan kumpulan

rentan berkaitan keselamatan digital dan kesan buli siber.

(ii) Kempen Penang Goes Orange oleh PWDC

Penang *Women's Development Corporation* (PWDC) telah melaksanakan kempen awam sempena Penang *Goes Orange* yang memberi tumpuan kepada isu gangguan seksual dalam talian dan buli siber. Kempen ini memfokuskan kepada usaha mendidik masyarakat, memperkasakan mangsa untuk melaporkan kejadian, serta menggalakkan masyarakat untuk tidak berdiam diri terhadap sebarang bentuk gangguan atau buli di alam maya.

(iii) Program *Cyber Safety* oleh WCC

Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan WCC dalam melaksanakan Program *Cyber Safety* di sekolah. Program ini memberi kesedaran kepada pelajar mengenai bahaya buli siber, *sexting*, *cyber stalking* dan penggunaan aplikasi sembang secara tidak selamat.

(iv) Ceramah keselamatan siber di sekolah

WCC juga menganjurkan sesi ceramah keselamatan siber selama 1.5 jam di sekolah-sekolah, memberi pendedahan kepada pelajar tentang pergaulan selamat dalam talian, jenis-jenis keganasan siber dan saluran untuk mendapatkan bantuan.

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalin kerjasama strategik dengan agensi Persekutuan dan pihak sekolah dalam usaha mencegah buli siber melalui beberapa inisiatif utama:

(i) Latihan kepada guru dan pakej keselamatan siber

Guru dan pendidik dilatih untuk melaksanakan program ini di sekolah menggunakan Pakej Keselamatan Siber WCC, yang merangkumi panduan fasilitator, video pendidikan, dan risalah "*Savvy Connections*".

(ii) Kerjasama dengan SKMM dan PDRM

Kerajaan Negeri bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan mekanisme pemantauan dan pelaporan kes buli siber dilaksanakan secara menyeluruh. Ini termasuk memastikan setiap aduan disiasat dan tindakan sewajarnya diambil terhadap pelaku.

LAMPIRAN A

Aduan berkaitan Buli Siber (mengikut subkategori)	2021	2022	2023	2024	2025	TOTAL
Gangguan (Jelik) (Aduan dalam talian berbentuk gangguan yang diklasifikasi oleh pengadu dengan elemen jelik)	88	102	101	72	9	372
Gangguan (Palsu) (Aduan dalam talian berbentuk gangguan yang diklasifikasi oleh pengadu dengan elemen palsu)	68	70	44	4	1	187
Gangguan (Aduan dalam talian berbentuk gangguan umum yang tidak diklasifikasi oleh pengadu)	23	30	37	19	2	111
Penyebaran video/ gambar bersifat lucah (Aduan dalam talian yang melibatkan penyebaran bahan lucah)	3	9	26	30	10	78
Gangguan (Sumbang) (Aduan dalam talian berbentuk gangguan yang diklasifikasi oleh pengadu dengan elemen sumbang)	11	11	24	25	3	74
Gangguan (Mengancam) (Aduan dalam talian berbentuk gangguan yang diklasifikasi oleh pengadu dengan elemen mengancam)	17	8	29	15	3	72
Gangguan (Lucah) (Aduan dalam talian berbentuk gangguan yang diklasifikasi oleh pengadu dengan elemen lucah)	8	7	14	35	5	69
Jumlah	218	237	275	200	33	963

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

20. Berapakah jumlah sekolah swasta di negeri ini yang menggunakan silibus UEC?
- (a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap penggunaan silibus UEC di sekolah?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelaraskan penggunaan silibus ini dengan dasar pendidikan kebangsaan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Sekolah-sekolah swasta yang menggunakan silibus *Unified Examination Certificate* (UEC) terdiri daripada sekolah-sekolah seperti berikut:
- (i) Sekolah Menengah Chung Ling (Persendirian);
 - (ii) Sekolah Menengah Han Chiang (Persendirian);
 - (iii) Sekolah Menengah Jit Sin (Persendirian);
 - (iv) Sekolah Menengah Perempuan Cina (Persendirian); dan
 - (v) Sekolah Menengah Phor Tay (Persendirian).

- (a) Kesemua sekolah di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan mengguna pakai Dasar Pendidikan Kebangsaan. Manakala Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) pula berada di luar Sistem Pendidikan Kebangsaan kerana tidak selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Oleh yang demikian, silibus *Unified Examination Certificate* (UEC) terhad pelaksanaannya hanya di SMPC sahaja.
- (b) Dasar Pendidikan Kebangsaan dilaksanakan melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, melaksanakan kurikulum kebangsaan dan menyediakan murid bagi menduduki peperiksaan yang sama. Penetapan ini adalah bagi memenuhi aspirasi dan keperluan negara di masa hadapan serta sebagai usaha memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat selaras dengan prinsip Rukun Negara.

Manakala SMPC menjalankan pendidikan peringkat menengah dengan menggunakan kurikulum yang digubal dan dibangunkan atas inisiatif Dong Zong. Selain itu, sistem pendidikan SMPC menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utamanya. Sehubungan itu, ia jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan SMPC yang menawarkan UEC adalah tidak selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan lain-lain perundangan yang sedang berkuat kuasa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

21. Apakah pencapaian program Digital Penang dalam memperkasa ekonomi digital sejak penubuhannya?
- (a) Berapa ramaikah peserta telah mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan digital melalui latihan yang ditawarkan?
 - (b) Bagaimanakah keberkesanannya dinilai?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Sejak penubuhannya pada April 2020, Digital Penang telah memainkan peranan penting dalam memperkasa ekonomi digital Negeri melalui pelbagai inisiatif strategik seperti berikut:

i. Sokongan kepada syarikat pemula (*startup*) & inovasi teknologi:

Digital Penang telah melancarkan program pengembangan idea (*ideation*), pemecut (*accelerator*) dan SP500 (StartupPenang500) bagi pembangunan perusahaan teknologi untuk menyokong syarikat pemula dari fasa awal sehingga ke peringkat pertumbuhan serta menyokong syarikat pemula yang lebih matang melalui kolaborasi bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan agensi persekutuan yang lain.

Selain itu, Digital Penang telah bekerjasama dengan lebih daripada 50 syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk

pelbagai agensi persekutuan seperti Cradle Fund, MDEC, Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI), dan Malaysian Business Angel Network (MBAN) bagi menyediakan peluang pembangunan perniagaan, akses kepada pasaran, kerjasama serta pembiayaan.

Salah satu kolaborasi tersebut adalah bersama SheLovesTech, sebuah organisasi terbesar di dunia yang mewakili pengasas wanita dalam bidang teknologi. Dalam kolaborasi ini, Digital Penang bertindak sebagai rakan strategik peringkat negara Malaysia dalam pertandingan SheLovesTech Global Competition, di mana syarikat pemula dari Pulau Pinang, Plixstar, telah terpilih sebagai salah satu (1) daripada dua (2) syarikat yang mewakili Malaysia di peringkat ASEAN.

Di samping itu, Digital Penang turut memainkan peranan yang besar dalam inovasi syarikat pemula dengan pelaksanaan HardTech Incubator Programme (HIP) untuk menyokong inovasi dalam kalangan syarikat pemula berasaskan perkakasan (*hardware-based startups*).

Digital Penang juga telah menyediakan akses pasaran kepada syarikat pemula teknologi di Pulau Pinang ke pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, Digital Penang telah menghantar wakil syarikat pemula ke acara seperti Persidangan Tech in Asia (TIA) Conference di Jakarta dan program Techsauce Global Summit di Thailand. Syarikat pemula ADA Biotech Sdn. Bhd. telah berjaya mendapat penghargaan pertama untuk Malaysia dalam kategori Inovasi Teknologi (Techsauce Innovation Award 2024).

ii. **Sokongan kepada usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS):**

Salah satu program utama yang dilaksanakan oleh Digital Penang adalah SME Go Digital yang bertujuan membantu PKS membangunkan pelan digital yang disesuaikan dengan keperluan perniagaan mereka. Program ini menawarkan latihan, bimbingan, dan sokongan teknikal untuk membantu PKS mengintegrasikan teknologi digital dalam operasi harian mereka.

Melalui inisiatif ini, banyak PKS telah melaporkan peningkatan dalam prestasi perniagaan mereka, termasuk peningkatan dalam kecekapan operasi, capaian pasaran yang lebih luas dan peningkatan dalam pendapatan. Walaupun tidak terdapat data spesifik mengenai sasaran peningkatan 30%, testimoni daripada peserta program menunjukkan bahawa transformasi digital telah memberikan impak positif yang signifikan kepada perniagaan mereka. Sejak penubuhannya pada tahun 2020, agensi ini telah membantu lebih daripada 2,000 PKS dalam usaha transformasi digital mereka.

iii. **Pembangunan ekosistem dan infrastruktur digital:**

Digital Penang telah melancarkan inisiatif seperti Creative Digital District (CD²) @ George Town untuk membina komuniti kreatif dan digital yang inklusif. Dalam usaha ini, buat julung kalinya Digital Penang telah menganjurkan *Penang Digital Creative Week 2024* atau Minggu Kreatif Digital Pulau Pinang 2024.

Selain itu, Digital Penang turut memainkan peranan penting dalam pembangunan ekosistem digital dengan menjalinkan kolaborasi strategik bersama institusi pengajian tinggi seperti INTI International University and Colleges, The One Academy, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta pakar-pakar teknologi, termasuk dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) untuk berkongsi ilmu dan kepakaran melalui pelbagai platform seperti hari demonstrasi program (*demo day*), webinar, bengkel-bengkel, dan sesi jaringan profesional.

Bagi memastikan syarikat pemula mempunyai sumber dana yang mampan, Digital Penang bekerjasama dengan syarikat-syarikat modal teroka (*venture capital companies*, VCC) dari dalam dan luar negara termasuk MBAN serta penyedia dana berasaskan pendanaan awam (*crowdfunding*) dan teknologi token seperti KLDX Sdn. Bhd.

Dalam usaha meningkatkan keterlibatan masyarakat dalam ruang digital, Digital Penang telah membangunkan platform seperti Digital Tracker (PANTAU), DahDigital, dan DahDerma.

Bagi meningkatkan kecekapan trafik Internet di Pulau Pinang pula, Digital Penang kini dalam proses membangunkan Penang Internet Exchange (PIX) yang akan memberikan prestasi rangkaian yang lebih baik, kependaman (*latency*) yang dikurangkan, penjimatan kos dan daya tahan yang dipertingkatkan.

iv. **Transformasi perkhidmatan awam:**

Antara sumbangan Digital Penang dalam transformasi perkhidmatan awam adalah pembangunan aplikasi seperti MyKADUN untuk memudahkan komunikasi di antara wakil rakyat dan orang awam.

Selain itu, Digital Penang turut terlibat dalam pembangunan dan penyelenggaraan Penang2030 Dashboard, iaitu satu alat pemantauan awam untuk menilai pencapaian objektif pembangunan negeri.

v. **Pembangunan bakat dan literasi digital:**

Dalam usaha membangunkan bakat digital di Pulau Pinang, Digital Penang telah bekerjasama dengan Sunway Education Group dan Khazanah Nasional Berhad serta 42 Kuala Lumpur untuk menubuhkan 42 Penang, satu institusi latihan kemahiran komputer dan teknologi tanpa guru dan tanpa yuran untuk melahirkan bakat digital bertaraf dunia.

Di samping itu, Digital Penang turut melaksanakan kempen-kempen kesedaran dan inisiatif pendidikan secara berkala untuk meningkatkan literasi digital dalam kalangan masyarakat melalui kelas-kelas percuma.

(a) Tiada maklumat terperinci mengenai jumlah peserta yang telah mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan digital melalui latihan yang dilaksanakan oleh Digital Penang. Walau bagaimanapun, berikut adalah beberapa pencapaian oleh Digital Penang:

i. Pendanaan syarikat pemula telah menunjukkan keberkesanannya dengan jumlah pendanaan sebanyak RM385,000 pada tahun 2022 dan telah berkembang kepada RM6.6 juta pada akhir tahun 2024. Ini adalah peningkatan ketara hasil dari keberkesanan program dan

inisiatif yang dilaksanakan;

- ii. Pada akhir tahun 2024, Pulau Pinang telah berjaya membangunkan 240 syarikat pemula dalam pelbagai sektor teknologi seperti e-dagang, *hardtech*, *deeptech*, *edtech*, *agritech*, dan *fintech*; dan
 - iii. Ekosistem syarikat pemula di Pulau Pinang juga telah mendapat pengiktirafan daripada StartupBlink sebagai ekosistem terbaik di Asia Tenggara untuk populasi saiz menengah pada tahun 2023.
- (b) Keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh Digital Penang dinilai melalui maklum balas peserta dan pemantauan prestasi peserta termasuk peningkatan dalam penggunaan teknologi digital, kebolehan menarik pendanaan dan pertumbuhan perniagaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

22. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan manfaat inisiatif seperti 42 Penang dan Jelajah Saya Digital turut dirasakan di kawasan luar bandar?
- (a) Senaraikan program-program yang telah dilaksanakan di luar bandar dan bilangan peserta yang memperoleh manfaat daripadanya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Antara manfaat yang dapat diberikan oleh inisiatif seperti 42 Penang dan Jelajah Saya Digital kepada penduduk di kawasan luar bandar adalah:
- (i) Pendidikan pengaturcaraan percuma:
- Latihan pengaturcaraan komputer secara percuma yang terbuka kepada semua individu tanpa mengira latar belakang akademik atau pengalaman sebelumnya memberikan peluang kepada penduduk luar bandar untuk mengakses pendidikan berkualiti dalam bidang teknologi tanpa kos yang tinggi;
- (ii) Peluang kerjaya dalam industri digital:
- Dengan menguasai kemahiran pengaturcaraan dan komputer sains, peserta dari luar bandar dapat memperoleh peluang pekerjaan dalam industri digital yang berkembang pesat seperti pembangunan aplikasi, keselamatan siber dan

kecerdasan buatan (AI). Ini dapat meningkatkan peluang pekerjaan mereka dalam pasaran global dan tempatan;

(iii) Model pembelajaran berasaskan projek:

Pendekatan pembelajaran melalui projek memberikan peserta peluang untuk bekerja dalam pasukan dan membangunkan kemahiran praktikal yang sangat diperlukan dalam industri. Pendekatan ini sesuai untuk individu yang lebih menggemari pembelajaran praktikal dan fleksibel. Ini adalah penting bagi mereka yang mempunyai keterbatasan dari segi akses kepada pendidikan formal;

(iv) Tanpa syarat kelayakan akademik:

Program ini tidak memerlukan syarat kelayakan akademik tertentu untuk menyertai. Ini memberi peluang kepada individu di luar bandar yang tidak mempunyai pendidikan formal tinggi untuk mengakses peluang pendidikan dalam bidang teknologi;

(v) Kebolehcapaian di mana sahaja:

Program ini boleh diakses melalui platform dalam talian, yang membolehkan individu di kawasan luar bandar untuk belajar secara jarak jauh. Ini menghapuskan halangan geografi dan memudahkan penduduk luar bandar untuk mengakses latihan tanpa perlu berpindah ke bandar besar.

(vi) Meningkatkan keusahawanan digital:

Peserta yang mendapat kemahiran pengaturcaraan boleh menggunakan pengetahuan ini untuk memulakan perniagaan digital mereka sendiri; dan

(vii) Bimbingan dan sokongan dalam pembelajaran:

Sokongan dan bimbingan dari tenaga pengajar membantu peserta dalam menyelesaikan cabaran teknikal. Sokongan ini memberi manfaat kepada peserta di kawasan luar bandar yang mungkin tidak mempunyai akses kepada sumber pendidikan lain.

- (a) Sebanyak 654 kelas telah dilaksanakan di kawasan luar bandar terutamanya di Permatang Pauh, Sungai Aceh dan Sungai Bakap melibatkan 14,981 peserta melalui inisiatif #DahDigital oleh Digital Penang dan Jelajah Saya Digital oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

23. Apakah impak sebenar penubuhan 42 Penang terhadap pembangunan bakat digital anak tempatan?
- (a) Berapa ramaikah pelajar yang telah mengikuti program ini, dan berapa peratus daripadanya berjaya diserap ke dalam industri atau memulakan kerjaya digital?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Penubuhan 42 Penang memberi kesan awal yang positif dalam membangunkan bakat digital tempatan melalui akses pendidikan percuma tanpa syarat akademik. Walaupun impak besar belum sepenuhnya kelihatan, potensinya amat besar berdasarkan kejayaan 42 Kuala Lumpur. 42 Penang dijangka memainkan peranan penting dalam melahirkan bakat digital yang berdaya saing di peringkat global. Antara potensi impak penubuhan 42 Penang pada masa akan datang adalah:
- (i) Peningkatan kemahiran pengaturcaraan dan teknologi: 42 Penang dijangka melahirkan lebih ramai anak tempatan yang mahir dalam pengaturcaraan, AI, keselamatan siber dan pembangunan aplikasi melalui latihan berasaskan projek praktikal yang relevan dengan keperluan industri;
- (ii) Peluang kerjaya dalam sektor digital: Graduan 42 Penang berpotensi mengisi permintaan tinggi dalam pasaran kerja digital, termasuk di syarikat teknologi tempatan dan antarabangsa sekaligus meningkatkan kebolehpasaran bakat tempatan;

- (iii) Pertumbuhan usahawan digital: Dengan kemahiran yang diperoleh, peserta berpeluang menjadi usahawan digital, membangunkan aplikasi atau perkhidmatan teknologi yang mampu dikomersialkan serta membina rangkaian perniagaan melalui komuniti global 42 Network;
- (iv) Akses pendidikan inklusif dan percuma: Program ini bakal memperluaskan akses pendidikan teknologi kepada semua golongan, termasuk B40 dan mereka dari kawasan luar bandar tanpa halangan kewangan atau syarat akademik;
- (v) Pengukuhan rangkaian digital dan kesedaran industri: 42 Penang akan menghubungkan peserta kepada komuniti digital global dan meningkatkan kesedaran nasional terhadap kepentingan pembangunan bakat digital sebagai tunjang ekonomi masa hadapan;
- (vi) Pendekatan pembelajaran aktif dan berasaskan projek: Pendekatan pembelajaran unik 42 Penang akan melatih pelajar menyelesaikan masalah dunia sebenar, meningkatkan daya saing serta membentuk kemahiran insaniah dan teknikal yang relevan; dan
- (vii) Sokongan komuniti dan industri: Peserta akan mendapat bimbingan berterusan daripada mentor dan pemain industri yang bakal memperkukuhkan pedagogi pembelajaran serta memudahkan peralihan mereka ke dalam dunia pekerjaan atau keusahawanan.
- (a) 42 Penang baru sahaja dirasmikan pada 29 April 2025 dan sedang dalam perancangan untuk melaksanakan *bootcamp* pertamanya. Walau bagaimanapun, berdasarkan data 42 Kuala Lumpur:
 - (i) Lebih 1,300 calon telah menyertai program *bootcamp* sejak 2021;
 - (ii) Lebih 650 daripada calon telah mengikuti program teras sebagai kadet;
 - (iii) Lebih 200 daripada kadet tersebut telah memulakan kerjaya dalam sektor digital;

- (iv) 100% graduan yang menamatkan program teras berjaya mendapat pekerjaan dalam sektor digital; dan
- (v) 40% daripada kadet merupakan daripada golongan B40.

Ini menunjukkan kadar penyerapan ke dalam industri adalah sangat tinggi sekali gus membuktikan keberkesanan model pendidikan 42 dalam melahirkan bakat digital yang bersedia untuk pasaran kerja.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

24. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan program TVET di Pulau Pinang selaras dengan keperluan industri semasa, terutamanya dalam sektor teknologi tinggi?
- (a) Apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai dan mengemas kini kurikulum TVET agar relevan dengan permintaan pasaran kerja?
 - (b) Apakah bentuk kerjasama yang wujud antara TVET dan syarikat industri utama?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memastikan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) selaras dengan keperluan industri teknologi tinggi melalui kerjasama erat dengan syarikat-syarikat utama bagi mengenal pasti kemahiran diperlukan, memodenkan kurikulum dan fasiliti latihan melalui agensi seperti *Penang Skills Development Centre* (PSDC) serta menggalakkan latihan industri untuk pelajar. Selain itu, latihan berkala diberikan kepada tenaga pengajar supaya sentiasa mengikuti perkembangan teknologi semasa.
- (a) Salah satu mekanisme utama ialah penubuhan Jawatankuasa Penasihat Industri (Industry Advisory Panel, IAP) di peringkat institusi TVET yang terdiri daripada wakil-wakil syarikat utama, persatuan industri dan agensi kerajaan. Panel ini berperanan memberi maklum balas berterusan mengenai kemahiran dan

pengetahuan yang diperlukan industri supaya kurikulum dapat dikemas kini mengikut perkembangan semasa. Di samping itu, Kerajaan Negeri bekerjasama rapat dengan agensi seperti *TalentCorp*, PERKESO, PSDC dan *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) untuk menjalankan kajian pasaran tenaga kerja bagi mengenal pasti trend pekerjaan, perkembangan teknologi baharu dan jurang kemahiran (skills gap) yang perlu diatasi oleh institusi TVET. Kurikulum yang ditawarkan turut disesuaikan berdasarkan piawaian seperti *National Occupational Skills Standards* (NOSS) yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi memastikan ia memenuhi standard kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, Kerajaan Negeri sering menganjurkan sesi libat urus, dialog, bengkel dan forum bersama pemain industri untuk mendapatkan maklum balas langsung tentang keperluan kemahiran baharu, sekali gus membolehkan kurikulum TVET dikemas kini secara responsif dan berfokus kepada permintaan pasaran kerja.

- (b) Dari sudut kerjasama antara institusi TVET dan industri, Pulau Pinang mempunyai ekosistem yang kukuh dan berkesan. Selain menyediakan peluang latihan industri (internship), terdapat juga program perantis (apprenticeship) yang membolehkan pelajar bekerja sambil belajar, khususnya dalam sektor elektronik, semikonduktor, automasi dan pembuatan berteknologi tinggi. Syarikat-syarikat utama seperti Intel, Keysight Technologies, Jabil, Bosch dan Inari Amertron bukan sahaja menyediakan tempat latihan tetapi turut terlibat secara langsung dalam pembangunan kurikulum dan penghantaran tenaga pengajar daripada kalangan profesional industri. Beberapa syarikat juga melaksanakan program latihan berasaskan industri dengan menyediakan modul latihan khas untuk pelajar TVET supaya mereka dilatih mengikut standard dan amalan kerja sebenar. Tambahan pula, industri menyumbang peralatan, mesin, perisian reka bentuk dan peralatan makmal terkini kepada institusi TVET supaya pelajar dapat mengikuti latihan praktikal menggunakan teknologi yang relevan dengan keperluan industri semasa. Peranan PSDC juga amat penting sebagai pusat latihan bersama Kerajaan Negeri, industri dan institusi pendidikan untuk membangunkan program latihan bersasar, termasuk latihan peningkatan kemahiran (upskilling) dan penukaran bidang (reskilling) bagi tenaga kerja sedia ada. Selain itu, Kerajaan Negeri turut

menganjurkan pameran kerjaya TVET, pertandingan kemahiran dan menyokong penyertaan pelajar dalam program antarabangsa seperti *WorldSkills* bagi meningkatkan daya saing pelajar di peringkat global.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

25. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memperluas akses TVET kepada pelajar luar bandar dan golongan B40?
- (a) Berapakah bilangan pelajar luar bandar dan B40 yang menyertai program TVET dari tahun 2020 sehingga kini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperluas akses Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada pelajar luar bandar dan golongan B40. Antara usaha utama termasuk program *empowerNCER* dan *entrepreneurNCER* yang dijalankan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), yang menyediakan kelas bimbingan akademik serta latihan keusahawanan kepada pelajar B40 dan masyarakat luar bandar. Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Maxis melalui program eKelas dan eKelas Usahawan untuk menyediakan bengkel pemasaran digital dan sumber pembelajaran STEM kepada pelajar serta belia dari kawasan luar bandar. Kerajaan Negeri juga telah menganugerahkan biasiswa penuh kepada pelajar B40 untuk melanjutkan pengajian di Universiti Antarabangsa UNITAR sebagai salah satu inisiatif pendidikan tinggi untuk golongan kurang berkemampuan. Tidak ketinggalan, pelbagai program latihan kemahiran dan keusahawanan turut dilaksanakan untuk membantu pelajar luar bandar meningkatkan pendapatan diri dan keluarga serta membangunkan syarikat sendiri. Di samping itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga giat mengadakan kerjasama dengan industri tempatan melalui program perantisan dan

penempatan pelajar TVET bagi memastikan kemahiran yang diperoleh pelajar selari dengan keperluan pasaran kerja semasa. Beberapa pusat TVET di Pulau Pinang turut dilengkapi dengan kemudahan pembelajaran moden seperti makmal simulasi, peralatan teknologi tinggi dan akses internet percuma bagi membantu pelajar daripada kawasan luar bandar dan golongan kurang berkemampuan.

- (a) Bagi bilangan pelajar luar bandar dan B40 yang menyertai program TVET dari tahun 2020 hingga kini, data spesifik tidak direkodkan secara terperinci. Namun, Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) Pulau Pinang dilaporkan telah melahirkan seramai 46,036 graduan TVET dengan kadar kebolehpasaran melebihi 90% selama tiga (3) tahun berturut-turut. Selain itu, melalui program *empowerNCER*, seramai 400 pelajar B40 di Pulau Pinang telah menerima manfaat kelas bimbingan akademik sejak Januari 2020. Di peringkat nasional, pelbagai bantuan seperti Baucar Perlindungan Tenaga Nasional (BPTN), subsidi yuran dan pinjaman pelajaran MARA untuk pelajar TVET daripada keluarga B40, yang secara tidak langsung turut memberi manfaat kepada pelajar dari Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

26. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyokong institusi TVET swasta yang berperanan penting dalam melahirkan tenaga mahir tempatan?
- (a) Apakah kriteria penilaian prestasi institusi TVET swasta?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpendirian teguh dalam menyokong institusi *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) swasta yang berperanan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir tempatan. Antara bentuk sokongan utama adalah melalui kerjasama awam-swasta yang kukuh, iaitu dengan penubuhan *Penang Skills Development Centre* (PSDC) yang menjadi model latihan kemahiran berdasarkan keperluan sebenar industri. Kerajaan Negeri turut menyediakan bantuan kewangan dan insentif seperti geran dan subsidi bagi membantu institusi TVET swasta meningkatkan kemudahan latihan serta memperkukuh infrastruktur mereka. Program pembangunan profesional untuk tenaga pengajar juga diberi keutamaan agar selaras dengan perkembangan teknologi dan kehendak pasaran kerja. Kerajaan Negeri juga bertindak sebagai pemudah cara dalam menjalin hubungan antara institusi TVET dan syarikat-syarikat tempatan, terutamanya dalam hal penempatan pelajar untuk latihan industri dan peluang pekerjaan selepas tamat pengajian.
- (a) Bagi memastikan institusi TVET swasta kekal relevan dan berkualiti, beberapa kriteria digunakan dalam penilaian prestasi mereka. Antara kriteria utama ialah kadar

kebolehpasaran graduan, iaitu sejauh mana graduan berjaya memperoleh pekerjaan dalam bidang yang berkaitan selepas tamat pengajian. Kualiti kurikulum dan tahap akreditasi program latihan oleh badan seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Lembaga Akreditasi Negara (MQA) juga menjadi penanda aras penting. Kemudahan fizikal seperti makmal dan peralatan latihan moden turut dinilai bagi memastikan kesediaan pelajar menghadapi cabaran sebenar industri. Di samping itu, kelayakan serta pengalaman tenaga pengajar dalam bidang masing-masing memainkan peranan besar dalam menentukan keberkesanan latihan. Kriteria lain termasuk tahap penglibatan institusi dengan industri, pencapaian akademik pelajar serta penglibatan institusi dalam inovasi dan penyelidikan yang menyumbang kepada pembangunan teknologi tempatan. Semua aspek ini dinilai secara berkala oleh pihak berwajib bagi memastikan institusi TVET swasta terus menyumbang secara berkesan kepada pembangunan sumber manusia berkemahiran tinggi di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

27. Apakah strategi jangka panjang Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekosistem TVET selari dengan Pelan Induk Perindustrian Pulau Pinang?
- (a) Bagaimanakah TVET akan disepadukan dengan inisiatif Digital Penang dan *Green Economy*?
 - (b) Adakah sasaran penambahan institusi atau pelajar TVET ditetapkan menjelang tahun 2030?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) serta agensi Persekutuan dan Negeri sedang dan telah melaksanakan pelbagai strategi jangka panjang bagi memperkukuh ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sejajar dengan aspirasi Pelan Induk Perindustrian Pulau Pinang dan inisiatif Penang2030. Strategi ini menekankan pembangunan bakat berkemahiran tinggi untuk menyokong pertumbuhan pesat sektor teknologi tinggi, digital dan ekonomi hijau.
- (a) Kerajaan Negeri menyokong penyepaduan TVET dengan inisiatif Digital Penang dan Ekonomi Hijau melalui pelbagai program yang diterajui oleh PSDC. Antara inisiatif utama termasuklah Program Kemahiran Digital selaras dengan keperluan pendigitalan industri bagi memastikan tenaga kerja tempatan memiliki kemahiran digital yang relevan. Selain itu, PSDC juga melaksanakan program latihan berasaskan

teknologi terkini seperti *Data Analytics*, *Cybersecurity*, *Industrial IoT* dan *AI for Manufacturing* yang direka bersama pihak industri untuk memastikan pelajar TVET benar-benar bersedia menyertai ekonomi digital. Pada masa yang sama, latihan yang menyokong teknologi hijau dan mapan turut dibangunkan, terutamanya bidang *sustainable manufacturing*, *energy efficiency* dan *waste-to-energy systems* bagi menyokong hasrat Pulau Pinang untuk menjadi negeri peneraju kelestarian dan ekonomi hijau.

- (b) Selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Pulau Pinang dan Visi Penang2030, Kerajaan Negeri menetapkan sasaran melahirkan sekurang-kurangnya 50,000 pelajar TVET baharu menjelang tahun 2030, melibatkan lepasan sekolah, belia, pekerja industri (*upskilling & reskilling*) serta peserta perantis. Usaha ini termasuk meningkatkan kapasiti institusi sedia ada seperti PSDC, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), politeknik, kolej vokasional dan institusi swasta melalui kerjasama industri dan pelaburan teknologi serta menggalakkan penubuhan pusat latihan teknologi tinggi khususnya di kawasan luar bandar dan perindustrian baharu. Inisiatif ini turut disokong pembiayaan strategik seperti *Future Skills Talent Council* (FSTC) oleh *TalentCorp*, Pelan Kerja Inovasi Sektor Awam (PeKIS) oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP), dana zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk pelatih asnaf, Program *German Dual Vocational Training* (GDVT) hasil kerjasama industri dan Kerajaan Negeri serta inisiatif STEM melalui *Trust School Leadership* (TSL) yang dibiayai badan korporat. Dengan pendekatan kolaboratif ini, Kerajaan Negeri yakin ekosistem TVET akan menjadi pemacu utama ekonomi negeri dan menyokong visi Pulau Pinang yang berdaya saing, inklusif dan mampan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

28. Bagaimanakah pelaksanaan Program Anak Kita: SPM 2025 membantu pelajar berisiko keciciran di Pulau Pinang?
- (a) Apakah indikator kejayaan yang digunakan dalam program ini?
 - (b) Bagaimanakah impak program ini diukur secara berkala?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Program Anak Kita: SPM 2025 merupakan inisiatif kolaboratif antara Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Yayasan Hasanah, dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang dilaksanakan di Pulau Pinang untuk membantu murid berisiko keciciran. Program ini menekankan aspek literasi, numerasi, dan persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melalui pendekatan menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.
- (a) Indikator Kejayaan Program Anak Kita: SPM 2025 di Pulau Pinang merangkumi:
 - (i) Peningkatan Kadar Kelulusan SPM: Sasaran utama adalah memastikan lebih ramai murid lulus dan mencapai keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan SPM, terutamanya dalam mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik;
 - (ii) Pengurangan Kadar Keciciran: Program ini bertujuan mengembalikan pelajar yang telah tercicir ke dalam

sistem pendidikan arus perdana, dengan menyediakan sokongan pembelajaran yang bersesuaian;

- (iii) Peningkatan Akses kepada Pembelajaran Digital: Setiap murid yang terlibat menerima tablet dan pelan data internet selama 13 bulan, membolehkan mereka mengakses bahan pembelajaran digital dengan lebih mudah; dan
 - (iv) Penyertaan seramai 1,280 murid di Pulau Pinang dari 64 buah sekolah, termasuk sekolah pendidikan khas, telah dikenal pasti untuk menyertai program ini.
- (b) Pengukuran Impak Program Secara Berkala adalah melalui:
- (i) Pemantauan Prestasi Akademik.
 - 1) Kemajuan murid dalam mata pelajaran teras dipantau melalui ujian dan penilaian berkala untuk menilai keberkesanan intervensi yang dilaksanakan.
 - (ii) Kehadiran dan Penglibatan Murid.
 - 1) Rekod kehadiran ke kelas bimbingan dan penggunaan peranti digital dianalisis untuk memastikan murid memanfaatkan sepenuhnya sumber yang disediakan.
 - (iii) Maklum Balas daripada Murid dan Guru.
 - 1) Tinjauan dan sesi refleksi dijalankan untuk mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan program dan mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan.
 - (iv) Kerjasama Antara Agensi.
 - 1) Unit Pantau MADANI dan Yayasan Hasanah bekerjasama rapat dengan Universiti Sains Malaysia selaku pelaksana dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang sebagai rakan kerjasama strategik untuk menilai dan menyesuaikan pelaksanaan program berdasarkan maklum balas yang diterima.

Kesimpulannya, Program Anak Kita: SPM 2025 berupaya memberi sokongan yang komprehensif kepada pelajar berisiko keciciran, sekaligus meningkatkan pencapaian akademik dan mengurangkan kadar keciciran di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIX)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

29. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pembangunan ekonomi digital turut melibatkan komuniti luar bandar?
- (a) Adakah sebarang program latihan, infrastruktur internet atau bantuan keusahawanan digital khusus disediakan untuk golongan B40 dan belia desa?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan telah melaksanakan pelbagai inisiatif melibatkan komuniti luar bandar seperti penawaran kelas-kelas secara percuma dan penyediaan infrastruktur yang berkaitan dalam usaha membangunkan ekonomi digital di negeri ini.

Terkini, sebanyak 42 Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) telah dibangunkan di setiap KADUN di Pulau Pinang oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT). NADI bertindak sebagai salah satu pusat pembangunan digital di kawasan luar bandar. Program berbentuk latihan dan usahawan digital merupakan antara program yang ditawarkan oleh NADI. Maklumat terperinci berkenaan program-program yang ditawarkan boleh didapati di NADI berhampiran atau terus daripada SKMM Pulau Pinang.

Melalui inisiatif Jalinan Digital Negera (JENDELA), sebanyak 450 buah stesen pemancar 5G telah berjaya disiapkan dan beroperasi yang telah meliputi 92% liputan 5G di kawasan

berpenduduk sehingga bulan Disember 2024. SKMM Pulau Pinang telah berjaya menyiapkan kesemua lokasi pemancar mengikut jadual yang telah ditetapkan dengan kerjasama rapat bersama Kerajaan Negeri. Bagi liputan rangkaian 4G pula, Pulau Pinang telah mencapai sebanyak 99.98% liputan jalur lebar mudah alih di kawasan berpenduduk.

SKMM Pulau Pinang juga kini sedang dalam pelaksanaan inisiatif JENDELA Fasa 2 iaitu 'Di mana ada jalan, di situ ada *internet* untuk memberikan capaian *internet* di kawasan-kawasan terpencil. Beberapa kawasan telah dikenal pasti bagi projek ini adalah Tanjung Asam, Pantai Kerachut, Titi Kerawang, Teluk Ailing, Monkey Beach dan juga Pantai Teluk Kampi.

Kerajaan Negeri melalui Digital Penang turut bekerjasama dengan DE-CIX Malaysia untuk membangunkan *Penang Internet Exchange* (PIX) bagi meningkatkan kualiti ketersambungan Internet di Pulau Pinang.

Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk membantu golongan usahawan B40 dan belia desa adalah kerjasama strategik bersama Maxis dan Lazada dalam menyediakan penyelesaian digital dan latihan pemasaran digital kepada usahawan B40 melalui program seperti eKelas Usahawan.

Selain itu, Digital Penang turut bekerjasama dengan Starz Excellence Sdn. Bhd., Rakan Pelaksana rasmi SME Corporation Malaysia dan Finexus Sdn Bhd, sebuah syarikat multinasional perkhidmatan teknologi kewangan terkemuka dalam pelaksanaan kelas-kelas perakaunan digital (e-Invois) dan pematuhan cukai untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kesedaran pengusaha berkenaan perkembangan dan keperluan semasa.

Kerjasama turut dilaksanakan bersama VeecoTech Web & E-Commerce Sdn. Bhd. untuk membantu perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) mendapatkan Geran Digital MADANI yang ditawarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Geran Digital ini adalah geran padanan berjumlah 50% daripada jumlah invois atau sehingga RM5,000 bagi setiap PMKS yang

layak bagi membantu PMKS melanggan perkhidmatan digital untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti perniagaan.

Antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Digital Penang adalah Program *FirstSTEP* iaitu kelas asas selama lapan (8) minggu untuk bakal pengasas syarikat pemula (*startup*) mendapatkan bimbingan awal dalam mengorak langkah mereka. Seterusnya, sokongan kepada syarikat pemula dan usahawan baharu turut ditawarkan melalui program *StartupPenang500* yang memberikan bimbingan, pementoran dan akses kepada geran-geran berkaitan.

Bagi memastikan usahawan-usahawan ini terus berdaya saing dan berkembang maju, Digital Penang turut menawarkan program akses pasaran (*market access programme*) yang memberikan geran secara bersyarat kepada usahawan-usahawan yang layak. Program *Techstars Startup Weekend* iaitu satu platform kolaborasi idea produk dan servis turut dilaksanakan secara berkala yang membuka peluang kepada syarikat-syarikat pemula bekerjasama untuk membangunkan produk dan servis selaras dengan keperluan dan perkembangan teknologi di era ini.

Semua program ini ditawarkan secara percuma dan bertujuan memperkasa komuniti perniagaan kecil termasuk dari kawasan luar bandar.